

Tiada tekanan pada bukan Islam-Dr. M

UM 17 OCT 1983
KUALA LUMPUR 18

Okt. - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan penyerapan nilai - nilai Islam tidak akan menjejaskan mana - mana kebudayaan lain dan tidak akan merupakan tekanan kepada rakyat bukan Islam di negara ini.

Perdana Menteri serentak itu dengan tegas berharap isu ini tidak akan dijadikan isu politik baik di dalam atau luar parti "kerana saya khawatir keharmonian dan keamanan dalam negara akan terancam".

Berucap di depan lebih 2,000 orang ahli MCA dan para pemimpin komponen Barisan Nasional, di perasmian Perhimpunan Agung Ke-31 MCA, di Wisma MCA, pagi ini, beliau berkata: Kerajaan yang ada sekarang tidak sanggup membelakangkan ajaran Islam dan mengenakan peraturan Islam ke atas bukan Islam.

"Nilai - nilai Islam bukan bermakna undang - undang

Islam kerana sebenarnya nilai - nilai Islam tidak jauh berbeza dari konsep baik-buruk yang universal dan apa yang dianggap baik oleh orang - orang yang waras juga dianggap baik oleh Islam dan yang buruk dianggap buruk.

"Oleh itu penyerapan nilai - nilai Islam oleh kerajaan tidak akan menghancurkan nilai - nilai lain yang terdapat di Malaysia dan tidak akan menjejaskan mana - mana kebudayaan lain serta tidak akan merupakan satu tekanan kepada orang bukan Islam di negara ini," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan cuma nilai Islam yang rata - rata sama dengan nilai kaum lain di Malaysia yang akan diserapkan oleh kerajaan.

"Kerajaan tidak berniat untuk memaksa orang bukan Islam memeluk agama Islam atau patuh kepada undang - undang keluarga Islam," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir

menjelaskan bahawa peruntukan dalam perlembagaan yang membenarkan agama - agama selain Islam diamalkan di negara ini telah menyebabkan kerajaan menolak desakan daripada pihak - pihak tertentu supaya undang - undang Islam dikenakan kepada orang - orang bukan Islam.

Katanya, jika orang Islam mahu undang - undang Islam dikuatkuasakan ke atas mereka, ini adalah hak mereka dan mereka juga berhak membuat interpretasi mereka terhadap undang - undang Islam tetapi Islam tidak menyuruh undang - undang Islam dipaksa supaya diterima oleh orang bukan Islam.

"Jikalau hari ini terdapat mana - mana negara di dunia yang menguatkuasakan undang - undang Islam ke atas orang bukan Islam, ini bukanlah kerana ajaran Islam tetapi adalah kerana keangkuhan pemerintahan yang sanggup membelakangkan ajaran Islam yang sebenar," tambah Perdana Menteri itu.

Perdana Menteri kesal sekarang ini ada aliran yang tidak sihat dari Barat yang bertentangan dengan nilai Islam dan juga nilai - nilai universal yang malangnya diterima oleh orang waras.

"Di Eropah sekarang ini, orang berbogel pun boleh berjalan di tengah - tengah bandar, perempuan boleh kahwin perempuan, lelaki kahwin lelaki, perzinaan, sodomi dan lesbianisme diterima sebagai perkara biasa," ujar Datuk Sri Dr. Mahathir.

"Hormat - menghormati antara manusia sesama manusia atau pengikut dengan pemimpin tidak diberi keutamaan dan kata - kata kotor sengaja digunakan oleh lelaki dan perempuan serta hisap ganja dipandang sebagai hak asasi manusia," tambah beliau lagi.

Menurut Perdana Menteri, dalam masyarakat Barat, hak individu dianggap lebih penting daripada hak masyarakat serta menimbulkan kacau-bilau dalam masyarakat juga menjadi hak sementara amanah dan berpegang kepada janji tidak lagi dianggap penting.

Aliran di Barat, tersebut, kata beliau, sudah menulari ke Timur dan ke Malaysia dan ramai yang berpendapat bahawa apa yang diterima oleh Barat boleh diterima oleh masyarakat di sini.

Katanya Islam tidak dapat menerima nilai - nilai seperti itu dan beliau yakin semua orang waras dari apa juga agama tidak boleh menerima keruntuhan akhlak seperti itu kerana yang boleh diterima ialah nilai kebudayaan Timur yang juga merupakan nilai universal yang asli sementara hampir semua nilai - nilai itu adalah sama dengan nilai - nilai Islam.

Itu saja, kata Datuk Sri Dr. Mahathir, yang dimaksudkan oleh kerajaan dengan penerapan nilai Islam dan tidak ada hak sesiapa yang akan disentuh.

"Jika wanita Cina hendak pakai cheongsam tidak ada ketegahan tetapi kalau hendak berbogel di jalan, saya fikir orang Cina pun tidak boleh terima," ujar beliau.